KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

KKDW TERUS PERKUKUH AGENDA PEMBANGUNAN DESA MELALUI PROJEK JALAN GEMUNCHUR – KAMPUNG LABU

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terus memperkukuh agenda pembangunan infrastruktur luar bandar dengan kejayaan menyiapkan **Projek Jalan dan Jambatan Gemunchur ke Kampung Labu melalui Kampung Batu Balak, Jerantut, Pahang**.

Majlis perasmian projek ini telah disempurnakan oleh **YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah** dengan turut dihadiri oleh YAB Dato' Sri Diraja Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang.

Antara manfaat utama projek ini termasuklah **pemendekan jarak perjalanan antara Kampung Mela (Lipis) dan Kampung Labu (Jerantut) daripada 60 kilometer kepada hanya 17 kilometer**. Tempoh perjalanan yang sebelum ini mengambil masa **kira-kira sejam kini hanya mengambil masa 15 minit, sekali gus menjimatkan hampir 45 minit masa perjalanan**. Selain itu, jalan baharu ini turut menjadi **laluan strategik pelancongan yang menghubungkan Taman Negara Kuala Tahan dengan Tanah Tinggi Cameron Highlands melalui Kuala Lipis**. Kemudahan ini diyakini akan memberi lonjakan ekonomi luar bandar, khususnya dalam sektor pelancongan dan pertanian yang menjadi sumber pendapatan utama masyarakat setempat.

Projek berimpak tinggi ini telah diluluskan pada tahun 2017 di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11) dengan **kos keseluruhan projek berjumlah RM192.5 juta.** Ia dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui kaedah Reka dan Bina (*Design and Build*) merangkumi pembinaan **jalan baharu sepanjang 17.5 kilometer** dengan piawaian JKR R2, serta **tiga (3) buah jambatan utama**. Projek ini telah siap **17 hari lebih awal** daripada jadual asal dan laluan ini telah dibuka pada **31 Ogos 2025** yang lalu.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
23 OKTOBER 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my